

Headline	Bakti Sahabat Tabung Haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	20	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	667 cm ²
Journalist	Nor Hayati Zainudin a	AdValue	RM 26,276
Frequency	Daily	PR Value	RM 78,827



Bakti Sahabat Tabung Haji

Nor Hayati Zainudin
am@hmetro.com.my

"Saya tidak mengharapkan apa-apa balasan sama ada dari segi kewangan atau lain-lain.

"Saya lakukan tugas ini secara sukarela dengan harapan semua jemaah dapat melakukan ibadat dengan sempurna dan memperoleh haji mabrur," kata Sahabat Maktab 90, Mejar Faizal Mohd Yusuf.

Faizal, 42, yang bertugas di Rejimen Askar Jurutera Diraja, Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur berkata, dengan menyertai Sahabat Maktab dia berhasrat membantu jemaah terutama mereka yang kurang upaya melaksanakan urusan haji.

Katanya, dia mengetahui

mengenai tawaran pihak maktab yang memerlukan sukarelawan ketika taklimat di Madinah sebelum ini, lalu memohonnya serta melalui proses pemilihan.

"Saya rasa bertanggungjawab untuk menghulurkan bantuan...walaupun sedikit kami tetap mahu bantu melicinkan operasi pihak Tabung Haji secara sukarela.

"Tugas kami tidaklah sukar, Alhamdulillah semuanya dipermudahkan. Pihak Tabung Haji pun tidak membebankan kami dengan tugas secara spesifik atau sepenuh masa," katanya.

Sahabat Medik Dr Ruth Safferi, 36, pula berkata, ini pengalaman perta-

ma dia mengerjakan haji dan secara sukarela menjadi Sahabat Medik.

"Tugas saya di hotel adalah lebih kepada berinteraksi dengan jemaah. Saya banyak bertanya mengenai kesihatan jemaah sama ada mereka boleh menjalankan aktiviti seharian atau tidak.

"Sekiranya mereka sakit saya nasihatkan mereka pergi ke klinik maktab. Saya bukan secara formal sebagai petugas perubatan, tetapi banyak beri bantuan berbentuk nasihat.

"Saya dapati kebanyakan jemaah menghidap batuk dan selesema dan saya minta mereka minum banyak air," katanya yang bertugas sebagai Pakar Perubatan Ke-

cemasan, Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak.

Sementara itu, seorang lagi jemaah Salasia @ Masihah

Mahiluddin yang bertugas sebagai Sahabat Maktab berkata, tugasnya lebih kepada membantu jemaah haji yang tersasar ketika mahu keluar dari Masjidilharam.

Katanya, ada jemaah yang keliru ketika keluar melalui pintu masjid dan ada juga jemaah yang mengikut jemaah negara lain secara tidak sengaja.

"Harapan saya pada masa akan datang jemaah haji cubalah luangkan masa untuk bantu jemaah lain yang memerlukan seandainya mereka mampu," katanya.

Headline	Bakti Sahabat Tabung Haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	20	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	667 cm ²
Journalist	Nor Hayati Zainudin a	AdValue	RM 26,276
Frequency	Daily	PR Value	RM 78,827



Saya rasa bertanggungjawab untuk menghulurkan bantuan...walaupun sedikit kami tetap mahu bantu melicinkan operasi pihak Tabung Haji secara sukarela"

Mejar Faizal Mohd Yusuf

■ 35
sukarelawan
bantu TH
uruskan jemaah
haji, lancarkan
urusan